

“Impian Sarawak” Menjadi Deman Adenan: Kegagalan Strategi Pembangkang dalam Pilihan Raya Sarawak ke-11

“Impian Sarawak” become Adenan Fever: Failure of Opposition Strategy in 11th Sarawak Election

SUFFIAN MANSOR, AWANG AZMAN AWANG PAWI & AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD. RUS

ABSTRAK

Sarawak dianggap sebagai deposit tetap Barisan Nasional (BN). Sukar bagi pembangkang iaitu Pakatan Harapan (PH) mengalahkan BN di Sarawak. Berdasarkan pilihan raya umum mahupun negeri sebelum ini PH gagal mendapat sokongan padu pengundi Sarawak. Ini kerana BN telah menunjukkan prestasi baik dalam membangunkan negeri Sarawak. Pembangunan yang dirancang dan digerakkan oleh BN telah menarik sokongan rakyat Sarawak. Manakala pembangkang terutamanya PH masih gagal menunjukkan mereka mampu membangunkan negeri Sarawak. Ini kerana PH gagal menunjukkan mereka sebuah parti memberi pembangunan untuk Sarawak. Atas sebab ini usaha telah dibuat oleh PH terutama DAP bagi memberi pembangunan kepada penduduk Sarawak. Untuk merealisasikan usaha mereka ini maka usaha di peringkat akar umbi digerakkan seperti Impian Sarawak. Usaha ini telah digerakkan di kawasan pendalaman yang merupakan kubu kuat BN. Namun demikian usaha mereka ini gagal meraih sokongan yang diharapkan. Keputusan pilihan raya ke-11 menunjukkan bahawa BN bertambah kuat. Beberapa kerusi yang dimenangi oleh pembangkang dahulu kembali kepada BN. Keadah kajian ini berdasarkan kaedah kajian sejarah iaitu berdasarkan analisis kandungan terhadap surat khabar dan buku-buku sejarah dan politik. Selain itu kajian ini juga melibatkan kajian lapangan dengan melakukan tinjauan sebelum, semasa dan selepas pilihan raya dijalankan. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan Adenan Satem dan sifat kenegrian berjaya melenyapkan isu nasional seperti GST dan IMDB. Malahan Impian Sarawak dan program-program pembangkang yang lain nampak terlalu kecil untuk meraih sokongan pengundi Sarawak. Kejayaan Barisan Nasional ini memberi isyarat bahawa Sarawak masih lagi simpanan deposit Barisan Nasional. Oleh itu artikel ini memperincikan tentang faktor-faktor ini bagi menerangkan dapatan tersebut.

Kata kunci: Pilihan Raya; Politik; Adenan Satem; Sarawak; BN

ABSTRACT

Sarawak is considered as fixed deposit to Barisan Nasional (BN). It very hard for the opposition especially Pakatan Harapan (PH) to defeat BN. Based on the previous general and state elections, PH fail to get strong support from Sarawak's voters. This happen because of BN had showed good proformamce in developed Sarawak. The development which had been plan and mobilized by BN had attracted the support from the Sarawak's people. On the other hand the opposition especially the PH had fail to show that their party could developed Sarawak. Owing to this PH especially DAP had mobilized their effort to develop Sarawak. In order to fulfill their target the Impian Sarawak is launched to help the rural people. Rural area is a stronghold of BN. However, their efforts have failed to achieve what they want. The election results show that the BN became stronger. Some of the seats won by the opposition had been captured by BN. The method of this study is based history method which would based on content analysis on the newspaper and books related to history and politic. In addition this research also used field work survey which would involved the ground survey before, during and after the election. The findings of this study show that Adenan Satem's leadership and provincialism had managed to obliterate national issues such as GST and IMDB. Even Impian Sarawak and other opposition programs seem too small to gain support from Sarawak voter.

The BN's victory signaled that Sarawak still fix deposit for Barisan Nasional. Therefore, this article will examine these factors to explain these findings.

Keywords: Election; politics; Adenan Satem; Sarawak; BN

PENGENALAN

Pilihan raya negeri Sarawak ke-11 menjadi tumpuan kepada pemerhati politik kerana beberapa sebab. Pertama Sarawak menjadi penyelamat kepada Barisan Nasional (BN) daripada kalah. Oleh itu Sarawak dianggap sebagai simpanan tetap oleh pemerhati politik. Dalam hal ini sejauhmanakah Sarawak terus menjadi simpanan tetap Barisan Nasional. Kedua pula, perlantikan Adenan Satem sebagai Ketua Menteri mencuri tumpuan kerana selain beliau terdapat dua nama lagi dicadangkan untuk menjadi pengganti Abdul Taib Mahmud iaitu Abang Johari dan Awang Tengah Ali Hassan. Manakala nama pemimpin kanan Dayak dalam PBB iaitu Alfred Jabu juga disebut-sebut sebagai calon yang layak untuk menggantikan Abdul Taib Mahmud. Terdapat khabar mengatakan akan berlaku kes Ming Court kedua. Kes Ming Court ini menjurus kepada protest kepada kepimpinan Abdul Taib Mahmud pada tahun 1980an. Oleh itu adakah Adenan Satem menerima nasib sama seperti Abdul Taib Mahmud? Ketiga pembangkang telah menunjukkan saingan kepada BN pada pilihan raya Sarawak ke-10. Parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan berjaya memenangi 15 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUNS). Apabila keputusan pilihan raya ke-11 diumumkan ternyata BN menang besar. Pihak pembangkang pula gagal mempertahankan beberapa kerusi yang mereka menangi sebelum ini. Berdasarkan senario ini artikel ini akan cuba meneliti kelemahan pembangkang dan kekuatan BN dibawah pimpinan Adenan Satem.

KEADAH KAJIAN

Kajian ini berdasarkan kajian kualitatif yang berdasarkan analisis kandungan terhadap perbincangan dan berita-berita dalam surat khabar. Tumpuan surat khabar ini termasuk surat khabar nasional dan tempatan. Sepanjang pilihan raya negeri Sarawak ini terdapat beberapa berita dan rencana tentang pilihan raya tersebut. Namun demikian penelitian juga akan dilakukan keatas surat khabar yang bertariikh sebelum pilihan raya ini diadakan. Penelitian ke atas berita politik sebelum pilihan raya amat penting untuk menilai dan menganalisis strategi

parti-parti pembangkang. Hasil dari penelitian ini akan dapat menilai sejauh manakah strategi parti-parti yang bertanding khususnya pembangkang dapat hasil yang disasarkan. Penelitian juga termasuk laman sesawang. Beberapa penganalisa politik dan sarjana akademik memberi lontaran idea penting untuk dijadikan sebagai alat bantu untuk memantapkan kajian ini. Oleh itu tinjauan juga akan diberi perhatian terhadap laman sesawang ini yang berupa berita dan pendapat. Selain itu kajian ini juga akan membuat kajian perpustakaan untuk mendekati beberapa bahan-bahan sekunder yang membantu kajian ini. Buku dan artikel merupakan dua bahan yang akan diambil perhatian untuk melihat pendapat dan maklumat yang membantu kajian ini. Pengkaji juga menjalankan kerja lapangan semasa pilihan raya ini berlangsung. Kerja lapangan ini cuba mendekati isu-isu rakyat, dan pendapat pemimpin dan rakyat dalam usaha mendapat maklumat berguna kepada kajian ini.

PILIHAN RAYA SARAWAK KE-11

Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUNS) pula dibubarkan pada 11 April 2016. Suruhanjaya Pilihan raya mengumumkan bahawa 26 April 2016 sebagai hari penamaan calon. Dalam pilihan raya ini BN Sarawak diwakili oleh Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), *Sarawak United People Party* (SUPP), *Sarawak Progressive Democratic Party* (SPDP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS). Namun demikian kompenan BN ini menghadapi masalah apabila beberapa orang pemimpin SUPP dan SPDP menubuh parti masing-masing iaitu *United People Party* (UPP) dan Parti Tenaga Rakyat (TERAS) masing-masing. Sebagai penyelesaiannya Adenan Satem telah mengumumkan bahawa pertindihan kerusi antara UPP dan SUPP, dan SPDP dan TERAS akan ditandingi oleh calon langsung (Berita Harian 5 Februari 2016 : 6). Sementara itu calon parti lawan atau pembangkang pula terdiri daripada Pakatan Harapan (PH) yang terdiri daripada *Democratic Action Party* (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Amanah Negara (PAN). Parti-parti lain ialah Parti Islam Semalaysia (PAS), *State Reform Party* (STAR), Parti Bansa Dayak Sarawak Baharu (PBDSB) dan beberapa calon bebas.

JADUAL 1 Jumlah calon yang bertanding dan jumlah kerusi dimenangi oleh parti yang bertanding dalam Pilihan Raya Sarawak (2016)

Parti	Kerusi	Menang
BN		
PBB	40	40
SUPP	13	7
SPDP	5	3
PRS	11	11
Calon langsung	13	11
PH		
DAP	31	7
PKR	40	3
PAN	11	0
Lain-lain Parti		
PAS	11	0
STAR	10	0
PBDSB	5	0
Calon Bebas	36	0

Walaupun pihak PH mahu bertanding disemua kerusi di Sarawak tetapi pada hari penamaan calon dua calon BN menang tanpa bertanding iaitu di Bukit Sari dan Bukit Kota. Kejayaan ini memberi kelebihan kepada BN pimpinan Adenan Satem. Manakala pada hari pengundian pula seramai 777,018 pengundi telah keluar mengundi iaitu 70.01 peratus. Keputusannya pula memberi kemenangan besar kepada BN yang menguasai 72 kerusi daripada 79 kerusi yang dipertandingkan.

Jadual diatas menunjukkan kekuatan parti yang bertanding. Apa yang dapat diperkatakan dalam pilihan raya ini, BN kembali bangkit menawan kerusi yang mereka kalah. Walaupun mereka tidak

dapat menyapu bersih tetapi terdapat peningkatan pencapaian BN dari segi kemenangan menawan kerusi pembangkang.

PERBANDINGAN PILIHAN RAYA KE-9, 10 DAN 11

Jikalau dibandingkan dengan pilihan raya ini dengan pilihan raya sebelumnya iaitu pada tahun 2006 terdapat penurunan dari segi kerusi yang dimenangi oleh DAP. Hal ini boleh dilihat pada Jadual 2 dibawah yang menunjukkan DAP kehilangan hampir separuh kerusi. Manakala PKR hanya mampu bertahan di tiga kerusi yang mereka menangi sebelum ini.

Apa yang boleh ditafsirkan daripada Jadual 2 diatas adalah berlakunya anti-klimak dalam usaha pembangkang menumbangkan BN. Pada tahun 2006 PH menang satu kerusi sahaja. Pada tahun 2006 PH menang 15 kerusi. Indikasi kejayaan pembangkang yang dilihat semakin menaik dari 2006 sehingga 2006 ini memberi harapan tinggi kepada mereka untuk sekurang-kurangnya mengurangkan dua pertiga kerusi BN. Mereka telah mengatur beberapa program untuk meningkatkan pembangunan penduduk luar bandar. Namun demikian program ini gagal meraih sokongan pengundi di luar bandar. Malahan BN semakin kuat dan menawan semula beberapa kerusi yang dimenangi DAP dan mengurangkan undi calon PKR. Hal ini menimbulkan persoalan jelas bahawa tindakan pembangkang sebelum dan semasa pilihan raya tidak menyegat. Untuk melihat lebih lanjut hal ini maka perlu diteliti tentang perancangan dan strategik pembangkang yang nampak mesra rakyat tetapi tidak dipedulikan oleh rakyat di kotak undi.

JADUAL 2 Keputusan Pilihan Raya Sarawak, 2001, 2006 dan 2016

Parti	Kerusi di menangi dalam Pilihan Raya Negeri (Tahun)					
	2006		2011		2016	
	Kerusi	Peratus Undi	Kerusi	Peratus Undi	Kerusi	Peratus Undi
BN	60	71 %	55	55 %	72	62 %
DAP	1	8 %	12	20 %	7	19 %
Keadilan/PKR	0	7 %	3	17 %	3	10 %
PAS	0	0.5%	0	1 %	0	2 %
PAN	-	-	-	-	0	1 %
Lain-lain *	1	13 %	1	7 %	0	6 %

* Kedua-dua tahun (2006 dan 2011) calon bebas yang memenangi kerusi tersebut.

STRATEGI PEMBANGKANG SEBELUM PILIHAN RAYA

Kejayaan pembangkang khursusnya DAP memberi semangat kepada mereka untuk mencabar BN pada pilihan raya negeri 2016. Oleh kerana rata-rata kerusi yang mereka menangi pada tahun 2011 adalah kerusi bandar dan majoriti Cina maka mereka mula mengatur strategi untuk melihat harapan mereka juga ada di kawasan luar bandar. Kawasan luar bandar adalah kawasan penduduk bumiputeradan mereka memerlukan kemudahan asas dibina (Jeniri Amir 2013). Kerusi DUNS paling banyak di luar bandar. Manakala kejayaan BN pula sebahagian besarnya di kawasan luar bandar. Sejak merdeka lagi penduduk luar bandar Sarawak melihat BN sebagai ejen pembangunan. Namun demikian selepas 55 tahun selepas penubuhan Malaysia, Sarawak masih lagi ketinggalan dalam arus pembangunan jikalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Malahan kemudahan asas Sarawak masih lagi belum dinikmati sepenuhnya oleh penduduk Sarawak. Walaupun pembangunan ini tidak lengkap di Sarawak, namun BN tetap menjadi pilihan penduduk luar bandar. Ini kerana falsafah pembangunan yang sering dikatakan bahawa hanya parti pemerintah sahaja mampu memberi pembangunan. Manakala sesiapa memilih parti pembangkang maka mereka akan terputus dalam aspek pembangunan (Neilson Ilan Mersat 2013).

Oleh kerana rujukan pembangunan ini sinonim dengan BN, maka pengundi tidak mudah lari daripada memberi sokongan kepada BN. Tambahan agenda bekas ketua menteri iaitu Abdul Taib Mahmud iaitu politik pembangunan menjadi senjata ampuh bagi menangkis segala tuduhan dan kritikan pembangkang. Untuk mengelak sebarang tanggapan pembangkang hanga pandai bercakap, DAP mengerakan usaha pembangunan mereka sendiri untuk membantu golongan luar bandar iaitu Impian Sarawak. Usaha ini cuba menyangkal dakwaan bahawa pembangkang hanya bercakap tetapi tidak mengerakkan pembangunan. Ia juga cuba mematahkan serangan mengatakan pembangkang sebagai muncul semasa pilihan raya sahaja. Impian Sarawak telah digerakkan sejak september 2013. Secara umumnya Impian Sarawak ini adalah usaha untuk memberi perkhidmatan infrastruktur asas secara kecil-kecilan seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik kepada penduduk luar bandar. Sejajar dengan pembangunan ini projek Impian Sarawak berharap akan dapat memberi

peluang dalam menjana peningkatan ekonomi penduduk luar bandar. Selain itu Impian Sarawak juga bermatlamat untuk memberi kesedaran tentang demokrasi kepada penduduk luar bandar Sarawak. DAP berharap bahawa dengan adanya pendidikan demokrasi ini maka ia mampu memberi kesedaran kepada mereka untuk membuat penilaian tentang kerajaan yang manakah yang mereka mahukan. Impian Sarawak ini merupakan satu usaha DAP mendekati penduduk luar bandar. Ia umpama DAP masuk kampung untuk membantu penduduk luar bandar.

Usaha-usaha Impian Sarawak ini digerakkan oleh ahli-ahli DAP dan sukarelawan DAP. Antara projek yang digerakkan oleh Impian Sarawak ialah membantu penduduk Rumah Panjang Bujang, Ulu Wak di Pakan untuk mendapat bekalan air bersih, Nanga Tutus melibatkan pemasangan 23 lampu tenaga solar dan memberi khidmat kesihatan kepada penduduk luar bandar. Di San Demam, Sri Aman, DAP membawa empat orang doktor perubatan dalam program *Medical Camp*. Sejak dilancarkan sebanyak 30 projek telah digerakkan oleh DAP menerusi program Impian Sarawak. Selain Impian Sarawak, DAP juga cuba memperjuangkan nasib rakyat Sarawak dalam isu penghapusan tol di Jambatan Lanang, Sibul dan pengurangan tarif elektrik. Gerakan penghapusan tol digerakkan oleh DAP dengan mengumpul tandatangan daripada orang ramai.

KEMPEN DAN ISU PILIHAN RAYA KE-11

Semasa kempen pilihan raya ini pula pelbagai lagi janji ditawarkan kepada rakyat sama ada menerusi manifesto mahupun menerusi pelbagai tawaran-tawaran sepanjang kempen pilihan raya. Dalam manifesto PKR menawar air percuma untuk untuk 20 meter padu untuk penggunaan domestik dan caj elektrik percuma untuk RM30 pertama pengguna domestik. Sementara itu mereka juga menasaskan beberapa peruntukan dan janji untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Antaranya berjanji memberi peruntukan sebanyak 1 billion untuk menaikkan taraf sekolah dan asrama luar bandar. PKR juga menawarkan pembinaan klinik lebih banyak di luar bandar dan menetapkan dua doktor untuk setiap satu klinik desa. PKR juga menawarkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Sarawak Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SACRAT) (Suara Keadilan 2016). Manakala pelbagai cara digunakan oleh mereka untuk berkempen.

Seperti pilihan raya-pilihan raya lepas media sosial elektronik terutamanya internet banyak digunakan kerana mempunyai pengaruh penting dalam menarik pengundi. Ini kerana ia mampu memberi satu ruang baharu dalam perdebatan dalam politik (Mohd Azizuddin Mohd Sani 2014). Namun demikian media tradisional seperti surat khabar bercetak dan television masih lagi popular digunakan (Ali Salman et al. 2018)

IMPIAN SARAWAK MENDAPAT KRITIKAN

Seperti dijelaskan sebelum ini Impian sarawak adalah agenda DAP untuk membantu rakyat Sarawak mendapat pembangunan dari pihak pembangkang. Usaha ini digerakkan bagi menunjukkan bahawa pembangkang iaitu PH juga memberi pembangunan. Ia juga cuba menepis tanggapan bahawa pembangkang hanya bercakap sahaja. Antara projek Impian Sarawak yang menjadi sasaran kritikan adalah projek kesihatan yang dijalankan oleh mereka di Gereja Iban Methodist di Bawang Assam. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bawang Assan mengkritik usaha DAP yang cuba menggunakan gereja dalam kerja-kerja amal mereka. Mereka tidak mahu agama dicampurkan dengan hal-hal politik. Mereka mencadangkan agar DAP menggunakan rumah panjang atau klinik untuk tujuan mereka tersebut. Malahan ahli DUNS dari BN mula mengkritik Impian Sarawak sebagai satu usaha yang tidak jujur.

Menurut calon BN Lambir, Ripin Lamat projek Impian Sarawak ini tidak memberi kesan kepada pembangunan rakyat Sarawak. “Mereka (DAP) cuba menyalurkan bekalan air terawat dan kemudahan lain dengan menggunakan projek ‘Impian Sarawak’, namun saya fikir impak pelaksanaan amat kecil dan akhirnya gagal” (Utusan Malaysia 2016). Bagi calon langsung BN Bawang Assan, Wong Soon Koh, beliau menyifatkan Impian Sarawak adalah projek propaganda sahaja. Beliau melihat DAP tiada keikhlasan dalam projek tersebut. Beliau menambah DAP harus terus menerus membantu penduduk luar bandar dan jangan hanya melakukan projek “*touch and go*”. Senada dengan Wong Soon Koh, calon BN bagi Nangka, Annuar Rapae menyatakan bahawa usaha DAP harus berterusan untuk menunjukkan mereka serius dalam membantu rakyat. Oleh itu Annuar Rapae mengkelaskan program DAP ini sebagai gimik politik sahaja.

PKR juga mengkritik Impian Sarawak sebagai usaha untuk menawan kerusi di luar bandar Usaha

DAP untuk bertanding di luar bandar mendapat sokongan daripada ahli-ahlinya di luar bandar. Entoil Tenggil, Ketua Unit DAP dari Batu Lintang Undup, Sri Aman menyatakan bahawa PKR hanya berangan untuk menang untuk bertanding di luar bandar kerana PKR tidak banyak melakukan kerja-kerja di peringkat bawahan seperti yang dilakukan oleh DAP.

Jika dibandingkan dengan pembangunan yang digerakkan oleh kerajaan BN, pembangunan yang dijalankan oleh pembangkang terlalu sedikit. Malahan kerajaan mempunyai rancangan pembangunan untuk mengatasi masalah rakyat seperti kemiskinan (Kwok Chin Hoe & Haris Abd Wahab 2013). Janji daripada pihak kerajaan pusat juga memberi impak yang jelas kepada sokongan pengundi. Selain daripada janji-janji untuk membantu rakyat, pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo merupakan pembangunan projek terbesar yang dialu-alukan oleh Sarawak. Lebuhraya sepanjang 2083 km ini menghubungkan Lundu sehingga ke Lawas dapat memberi manafaat kepada kemajuan negeri Sarawak. Lebuhraya ini juga bersambung dengan kawasan-kawasan di Sabah sehingga ke Sarudong (sempadan Malaysia-Indonesia). Janji pembangunan ini dapat menutup projek-projek kecil yang dilakukan oleh pembangkang.

IMEJ ADENAN

Kepimpinan Abdul Taib Mahmud sentiasa menjadi modal pembangkang untuk meraih sokongan pengundi. Perletakkan jawatan Abdul Taib Mahmud menghilangkan kelebihan pembangkang untuk meraih sokongan. Kejayaan pembangkang meraih banyak kerusi pada pilihan raya negeri ke-10 adalah cuba mempromosikan isu Abdul Taib Mahmud yang mereka sifatkan sebagai terlalu lama memerintah Sarawak dan tidak popular dalam kalangan pengundi Cina (Lee Kam Hing & Thock Ker Pong 2014). Malahan isu-isu rasuah dan nepotisme juga dikaitkan dengan Abdul Taib Mahmud dan keluarganya (Lukas Straumann 2014). Oleh itu setiap pilihan raya isu Abdul Taib Mahmud digunakan termasuk pilihan raya kecil Sibul. Namun isu itu berjaya dileraikan oleh BN apabila Adenan Satem dipilih dan dilantik sebagai ketua menteri baharu Sarawak (Suffian Mansor 2016). Adenan Satem mempunyai imej bersih dan popular dikalangan rakyat Sarawak. Pembangkang gagal mencari kelemahan beliau.

Satu persatu pemimpin dan rakyat Sarawak daripada pelbagai bangsa mengiktiraf beliau sebagai ketua menteri berjiwa rakyat. Presiden PRS, James Masing misalnya pemilihan Adenan Satem pilihan terbaik. Bekas presiden SPDP William Mawam pula melihat perlantikan Adenan Satem sebagai Ketua Menteri akan menguatkan parti. Bekas presiden SUPP iaitu Peter Chin menyatakan SUPP memberi sokongan penuh kepada Adenan Satem. Adenan Satem juga mendapat sokongan daripada pemimpin kanan PBB seperti Alfred Jabu, Abang Johari dan Awang Tengah. Malahan parti lawan seperti Parti Peace juga memberi sokongan kepada perlantikan Adenan Satem sebagai ketua menteri

Manakala beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan berdasarkan etnik memberi sokongan kepada Kepimpinan Adenan Satem. Contohnya Persatuan Berawan Sarawak memberi kepercayaan dan keyakinan bahawa Adenan Satem boleh membawa pembangunan Sarawak. Bagi Timbalan Pengerusi, Dewan Perdagangan dan Industri Dayak, Datuk Caestine Ujang juga memberi sokongan kepada kepimpinan Adenan Satem. Bagi Pemanca Philip Lakai Tuan, perlantikan Adenan Satem dialu-alukan oleh penduduk Kelabit di Tanah Tinggi Bario. Sifat Adenan Satem yang mesra rakyat ini mendapat pujian juga Dalam kalangan peniaga Cina. Salah seorangnya Anthony Ling menyatakan bahawa Adenan Satem seorang yang adil untuk semua bangsa di Sarawak. Dalam kenyataannya menjurus hal ini, “he (Adenan Satem) has no issue with the word ‘Allah’ being used by the Christians. He is brave in stopping religious extremists from coming to Sarawak to avoid offending the local Christian community” (The Borneo Post 2015). Isu penggunaan kalimah Allah dalam masyarakat bukan Islam adalah sensitif di Semenanjung Malaysia (Eva Eichenauer 2016).

Tindakan Adenan Satem untuk mengiktiraf *Unified Examination Certificate* (UEC), memberi peruntukan kepada sekolah Cina dan tidak memanggil orang Cina sebagai kaum pendatang menjadi faktor kepada sokongan orang Cina. Adenan Satem tidak ada masalah untuk mengiktiraf UEC sebagai syarat dalam perkhidmatan negeri Sarawak. Beliau juga tidak teragak-agak memberi peruntukan RM 3 juta untuk pembangunan sekolah Cina pada tahun 2014. Manakala tahun 2015 pula, beliau mengumumkan peruntukan sebanyak RM4 juta untuk sekolah Cina di Sarawak. Semasa pilihan raya negeri ke-11 berlangsung beberapa lagi tindakan beliau yang menunjukkan keprihatian

beliau untuk meringankan beban rakyat. Antaranya adalah mengurangkan cukai pintu. Seajar dengan saranan ketua menteri ini maka Dewan Bandaraya Kuching Utara telah mengumumkan penurunan cukai pintu dari 10 sehingga 90 peratus mengikut kadar cukai yang ditetapkan. Manakala usaha DAP untuk meminta tol di Jambatan Lanang dihapuskan telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Malahan Adenan Satem juga telah mengarah penutupan tol di Jambatan Tun Salahuddin. Beliau juga mengumumkan pengurangan tambang feri di Kuala Ridan dari RM15 ke RM1. Pada tahun 2015 pula Adenan Satem telah mengumumkan penurunan kadar tarif elektrik di Sarawak. Rancangan yang digerakkan oleh Adenan Satem ini merupakan usaha mengurangkan beban kos hidup rakyat. Dengan kata lain dapat meringankan kehidupan penduduk yang mengalami kenaikan harga barang dan pengenalan GST.

Berkenaan kepopularan Adenan, salah seorang calon BN iaitu Annuar Rapae menyatakan bahawa, “I think the Adenan’s factor is very strong, it’s the most important factor that could swing the Chinese Support towards BN. If you go against it, I don’t think people are going to support. I have a feeling that factor is very strong – that’s why we call it ‘Adenan’s Fever’” (The Borneo Post 2016).

Kata-kata Annuar Rapae ini cukup bermakna bahawa rakyat memang suka pada Adenan dan sebarang usaha melawan beliau tidak akan berjaya. Sehubungan dengan itu Adenan Satem memberi kenyataan bahawa rakyat perlu menyokong calon BN untuk memastikan beliau terus menjadi ketua menteri. Dalam hal ini beberapa calon BN yang tidak disenangi oleh parti dalam BN dan rakyat. Pengundi mempunyai kuasa untuk menolak pencalonan seseorang yang tidak dikehendaki oleh mereka (Jeniri Amir 2013). Oleh itu Adenan Satem menekankan bahawa rakyat perlu memilih BN kerana mahukan beliau meneruskan pembangunan di Sarawak. Dalam hal ini beliau menyatakan bahawa beliau hanya meminta lima tahun lagi untuk melaksanakan pembangunan di Sarawak. Adenan Satem juga tahu bahawa kejayaan DAP dan rakan pembangkang mereka dahulu adalah kerana Abdul Taib Mahmud. Oleh itu beliau menegaskan kepada pengundi Cina bahawa, “I am Adenan, not the white hair”. Dalam kenyataan beliau *white hair* dirujuk sebagai bekas ketua menteri Abdul Taib Mahmud. Faktor beliau juga menyebabkan SUPP kalah dibanyak kerusi dalam pilihan raya di Sarawak. (Faisal S. Hazis 2015)

Kepopularitian Adenan Satem juga menyebabkan *Sarawak Worker Party* (SWP) mengambil keputusan untuk tidak bertanding dalam pilihan raya ini. Sebelum ini mereka beriya ingin meletak beberapa calon untuk melawan BN. Namun presidennya Larry Sng mengambil keputusan beberapa hari sebelum penamaan calon untuk meletak jawatan sebagai presiden. Sekali gus beliau menarik diri untuk bertanding di Bukit Goram. Malahan Pengerusi Negeri DAP, Chong Chieng Jen mengakui bahawa Adenan Satem menyukarkan mereka dalam pilihan raya ini. Dalam satu kenyataan beliau sebelum pilihan raya menyatakan, “Adenan’s policies have attracted support from the Chinese community. Hence, we are expecting some difficulties and challenges this time around. It is not going to be the same (compared with the previous election),” (New Straits Times 2016). Malahan Adenan Satem menyatakan bahawa beliau adalah ketua menetri untuk semua rakyat Sarawak tanpa mengira seseorang itu dari pihak kerajaan mahupun pembangkang. Hal inilah yang ditunjukkan oleh Adenan Satem apabila beliau mengarahkan kerajaan negeri untuk memberi bantuan kewangan kepada Pengerusi DAP negeri, Wong Ho Leng yang mengidap penyakit barah otak. Beliau juga melakukan lawatan ke majlis perkebumian Wong Ho Leng.

PEMBANGKANG GAGAL BERSATU

Kegagalan pembangkang bersatu dalam satu gerakan memberi satu lagi kelemahan ketara pembangkang dimata rakyat. Hal ini boleh dilihat pada perebutan kerusi yang ditandingi mereka semasa pilihan raya ini. Pemimpin DAP dan PKR peringkat tertinggi telah berusaha menyelesaikan masalah ini tetapi keputusan peringkat pusat ini tidak diindahkan oleh DAP dan PKR peringkat negeri Sarawak. DAP dan PKR tidak mahu mengalah untuk bertanding di kawasan luar bandar. Malahan di bandar mereka juga bertembung di Batu Kitang. Perebutan kerusi ini menimbul tuduh menuduh antara kedua-dua parti. DAP yakin bahawa mereka mempunyai peluang besar untuk mengalahkan BN di enam kerusi bertindih yang mereka tandingi bersama PKR. Enam kerusi bertindih ini selain Batu Kitang adalah Mulu, Ngemah, Murum, Simanggang dan Mambong. Dalam kenyataan tentang hal ini Azmin Ali menyatakan bahawa, “We let the state leaders decide based on the principle of autonomy. But its is very unfortunate we were

not able to resolve these few seats” (The Star 2016). Menerusi kenyataan ini Timbalan Presiden PKR dan Menteri Besar Selangor, Azmin Ali memberi kebebasan kepada pengerusi PKR negeri, Baru Bian untuk meletak calon di enam kerusi bertindih itu. Dalam satu kenyataan pengerusi DAP negeri Chong Chieng Jen menyatakan mereka sebagai penyelamat di Batu Kitang. Ini kerana menurut beliau penyokong calon PKR didapati mufliis. Namun demikian hal ini dinafikan oleh pengerusi kempen calon PKR Batu Kitang, Voon Shiak Ni iaitu Simon Siah. Perbalahan terbuka ini membawa impak kepada pembangkang. Perbalahan antara kedua-dua parti ini berterusan dengan Naib Presiden PKR, Dr. Xavier Jeyakumar menyatakan bahawa DAP memberi kerusi Bukit Kota kepada BN. Calon BN di kawasan tersebut menang tanpa bertanding kerana calon DAP tidak muncul pada hari penamaan calon (The Star 2016). Perbalahan kedua-dua parti ini seolah-oleh berlawanan antara satu sama lain bukannya cuba menundukkan BN. Pelbagai kenyataan dikeluarkan oleh mereka untuk menyatakan pihak merekalah yang betul. Ada pemimpin parti mengatakan mereka telah mengadakan penyelesaian tentang pembahagian kerusi. Tidak kurang juga yang menyatakan bahawa kedua-dua parti tidak dapat menyelesaikan isu pembahagian kerusi. Lanjutan daripada perebutan kerusi ini DAP mencadangkan rancangan damai yang meminta PKR berundur dari lima kerusi tetapi cadangan ini tidak dapat dietrima oleh PKR.

PAS pula tidak mahu menyerahkan kerusi mereka kepada PAN. Malah PAS yang telah berpatah arang dengan DAP pula mula mencabar DAP di kawasan utara Sarawak. Dalam satu kenyataan dikeluarkan oleh Persurujhaya Tinggi PAS, Jofri Jaraiee menyatakan bahawa, “DAP has been fractious to our party in Peninsular Malaysia recently. We are not on the same road, thus there is no way for PAS to work with DAP for this 11th Sarawak election,” (The Borneo Post 2016). DAP negeri juga menyatakan mereka tidak mahu berpakat dengan PAS kerana cuba membawa isu hudud di Malaysia. Mengenai PKR, PAS mengatakan mereka akan berkerjasama dengan PKR untuk mengutarakan isu-isu tempatan. Namun PAS dan PKR tidak dapat mencapai kata putus dalam pembahagian kerusi. Akhirnya kedua-dua parti bertembung di tiga kerusi DUNS. Hubungan pelik PAS dan PKR ini dikritik oleh DAP, dan minta PKR meninggalkan pakatan dengan PAS. Jadual 3 dibawah menunjukkan tentang persaingan antara parti.

JADUAL 3 Pertembungan Antara Parti-Parti Pembangkang dalam Pilihan Raya Sarawak Ke-11

Parti	DAP	PKR	PAN	PAS	STAR	PBDSB
DAP	-	6	0	2	5	3
PKR	6	-	0	3	4	2
PAN	0	0	-	5	0	0
PAS	2	3	5	-	0	0
STAR	3	4	0	0	-	1
PBDSB	3	2	0	0	1	-

Pertelagahan antara pembangkang ini mengesahkan lagi kenyataan BN bahawa pembangkang akan membawa kepada keadaan tidak menentu bagi Sarawak jikalau mereka menang. Hal ini ditegaskan oleh Perdana Menteri, Najib Tun Razak yang menyatakan bahawa, *“this is even before taking into account forming a cabinet or deciding on assigning posts. Sarawak would be in chaos”* (New Straits Times 2016). Manakala kegagalan calon PKR dan DAP untuk hadir pada hari penamaan calon di Bukit Sari dan Bukit Kota mencerminkan kelemahan mereka untuk mengawal ahli-ahli mereka.

ISU NASIONAL TIDAK MENJADI

Kesukaran untuk mencari isu penting dalam pilihan raya ini, DAP, PKR dan PAS membawa isu GST dan kenaikan kos hidup serta membawa keadilan ekonomi kepada semua. Ketua Dewan Muslimat PAS Kelantan, Siti Zailah Mohd. Yusof dalam kempenya di Sarawak menyatakan,

Kehadiran GST memberi tekanan kepada rakyat miskin juga di Sarawak. Sebelum ini kita dijanjikan harga barangan akan turun selepas GST, namun sekarang sudah terbalik. Oleh itu kita kena pakat tolak calon BN yang mempertahankan GST sehingga menyusahkan rakyat Sarawak (Harakah 2016).

Pemimpin kebangsaan DAP, Liew Chin Tong memaklumkan bahawa pilihan raya ini memberi ruang kepada rakyat Sarawak untuk mengatakan tidak pada GST. Beliau menekan bahawa, *“GST collection is from the pockets of ordinary Malaysians, and when ordinary people have their disposal income eroded by GST, they spend less. When they spend less, businesses suffer, the entire domestic economy suffers”* (The Borneo Post 2016). Kenyataan Liew Chin Tong ini cuba mengaitkan kesan berantai tentang kesan pengenalan GST kepada penduduk. Manakala, Azmin Ali juga menegaskan,

“... we want GST to be abolished for the benefit of the needy, including those in Sarawak (The Borneo Post 2015).

Usaha pembangkang membawa isu GST serba tak menjadi. Ini kerana BN dengan senang menepis isu tersebut. Adenan Satem menyatakan bahawa,

Buktikan dahulu di Pulau Pinang dan Selangor, barulah cerita di Sarawak. DAP dan PKR asyik bercakap mengenai enam peratus GST, tapi tidak menjelaskan inisiatif timbal balas dilaksanakan kerajaan bagi meringankan beban rakyat, termasuk pemansuhan cukai jualan dan penurunan kadar cukai pendapatan” (Berita Harian 2016).

Dua kenyataan daripada pemimpin BN ini sudah cukup memberi jawapan jelas bahawa isu GST tidak dapat menjadi modal untuk meraih sokongan pengundi Sarawak. Malahan di kawasan bandar, isu ini tidak begitu berkesan. Sehubungan dengan isu GST, DAP, PKR dan PAS juga membawa isu IMDB dan tanah adat bumiputera (NCR) dalam kempen mereka. Keadaan serupa juga dengan isu IMDB. Isu ini tidak begitu memberi kesan mendalam kepada pengundi Sarawak. Adenan Satem sewaktu mengulas tentang isu ini berkata bahawa IMDB tidak ada kena mengena dengan pilihan negeri Sarawak. Hal ini dinafikan oleh Shaharuddin Baharuddin yang berkempen untuk PKR di Petra Jaya yang menyatakan sebagai sebuah negara IMDB itu juga kena mengena dengan Sarawak.

ISU NCR SEDIKIT MENYEGAT

Sebelum pilihan raya lagi, bakal calon PKR di Baram, Dennis Ngau menyatakan bahawa beliau akan membawa isu NCR dan Empangan Baram. Menurut beliau isu tanah adat ini belum lagi dapat diselesaikan oleh kerajaan. Walaupun beberapa kes penduduk tempatan menang dalam isu itu tetapi mereka terpaksa menunggu keputusan mahkamah rayuan kerana pihak syarikat terlibat membawa isu ini ke mahkamah tersebut. Beliau mencabar

Adenan Satem untuk meminta syarikat-syarikat terlibat untuk memberhentikan rayuan mereka di mahkamah rayuan.

Berkenaan dengan isu NCR, kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk program pengukuran perimeter tanah adat di Sarawak. (Utusan Malaysia 2016). Sehubungan dengan itu kerajaan negeri telah melakukan usaha menyukat di 465 kawasan melibatkan tanah seluas 748,167 hektar telah diukur dan 373 kawasan seluas 538,945 hektar diwartakan. Manakala kerajaan negeri juga telah mengeluarkan surat hak milik untuk 632,063 lot tanah (Utusan Malaysia 2016). Isu-isu tentang NCR ini hanya dapat meraih sokongan di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Oleh itu impaknya tidak menyeluruh. Kejayaan dua calon PKR di Bekalalan dan Krian mempunyai kaitan dengan isu ini. Begitu juga di Beting Maro, PAS berjaya menambah undinya kerana isu ini. Secara umumnya isu ini masih relevan tetapi bersifat setempat.

KESUKARAN TERSERLAH

Oleh kerana ketiadaan isu yang mampu melawan BN, DAP cuba mencari apa sahaja kelemahan BN. Ini termasuk mereka menggunakan isu penculikan empat pelayar Malaysia berasal dari Sibiu. Empat pelayar Malaysia ini telah diculik oleh golongan militan Filipina di Selatan Filipina. Kawasan selatan Filipina dan pantai timur Sabah telah lama bergolak (Ramli Dollah & Zainus Sagi Khusyairy Pangkas 2017). Hal ini membawa kepada beberapa penculikan di kawasan tersebut. Sejak awal, pilihan raya bermula, DAP telah menampilkan isu ini dalam ceramah mereka. Timbalan Perdana Menteri Ahmad Zahid Hamidi mengkritik DAP kerana menggunakan kes penculikan ini untuk tujuan politik. Ahmad Zahid Hamidi memberi amaran kepada DAP, “the way DAP capitalises on the plight of the families will undermine negotiation efforts. If the kidnappers feel pressured and decide not to release the four victims, DAP must held responsible” (New Straits Times 2016). Kenyataan Ahmad Zahid Hamidi ini cukup jelas mematikan kempen DAP yang akhirnya tidak lagi meneruskan isu ini.

Manakala penangguhan royalti minyak 20 peratus untuk Sarawak tidak memberi kesan kepada undi BN. Adenan Satem sendiri faham akan usaha ini kerana kerajaan persekutuan mengalami kehilangan pendapatan sebanyak RM40 billion kerana kejatuhan harga minyak dunia.

Namun demikian beliau masih meneruskan usaha mendapatkan royalti tersebut.

SEMANGAT KENEGERIAN

Tindakan melarang pemimpin pembangkang dari Semenanjung Malaysia datang ke Sarawak juga membawa kesan keatas perjalanan kempen pembangkang. Larangan ini tidak mengenal kedudukan siapa. Menteri Besar Selangor Azmin Ali yang pada awalnya dibenarkan masuk tetapi tempoh beliau berada di Sarawak dihadkan sehingga sebelum hari pengundian. Nasib Azmin Ali lebih baik jikalau dibandingkan dengan Speaker DUN Selangor, Hannah Yeoh, Naib Presiden PKR dan juga ahli Parlimen Tangga Batu, Shamsul Iskandar Akin, Presiden Amanah, Mat Sabu, Pengarah Komunikasi Amanah Khalid Samad dan ahli Parlimen Taiping, Nga Kor Ming yang terus dihalang masuk ke Sarawak (Suara Keadilan 2016). Mereka ini hanya sempat mendarat di lapangan terbang tetapi diarah pulang semula oleh pihak imigresen. Dalam kenyataan Adenan Satem tentang hal ini menyatakan bahawa, “I will ban religious bigots, racists and others who will cause misunderstandings among us. I don’t want them to bring in Western political culture, which is unacceptable to the people of Sarawak” (New Straits Times 2016). Tindakan dilakukan untuk menghalang beberapa orang pemimpin pembangkang memberi kesan kepada kempen pilihan raya pembangkang. Chong Chieng Jen menyatakan bahawa tindakan itu menyebabkan mereka mengalami kekurangan sukarelawan untuk kempen mereka. Walaupun ada yang dibenarkan masuk tetapi tempoh kemasukan mereka hanya sehingga 5 Mei 2016. Hal ini menyebabkan kekurangan kakitangan membantu kempen dan ejen pengundian.

Manakala kritikan-kritikan pembangkang tentang penahanan pemimpin mereka ini tidak membawa kebaikan kerana ia seolah-olah mencabar hak negeri Sarawak. Sarawak mempunyai hak imigration untuk menyekat mana-mana individu datang ke Sarawak. Perkara ini dinyatakan dalam Perjanjian Malaysia yang menyatakan bahawa negeri-negeri Borneo mempunyai kuasa melulus untuk datang ke Sarawak (Ghazali Shafie 2015). Oleh itu tindakan mengkritik tidak kerajaan negeri ini menyebabkan mereka dicapkan sebagai tidak mempertahankan hak ini.

Adenan Satem telah mendapat sokongan Sarawak apabila beliau berusaha untuk mengembalikan

hak negeri. Sejak penubuhan Malaysia, Sarawak mempunyai pelbagai keistimewaan termasuk imigrasi. Namun demikian hak-hak ini mula luntur seperti kuasa pendidikan dan penggunaan bahasa Inggeris. Pada tahun 1974 kedudukan negeri Sarawak disamakan dengan negeri Semenanjung Malaysia (Andrew J. Harding & James Chin 2014). Hak-hak ini cuba dimohon oleh Adenan Satem untuk dikembalikan kepada Sarawak. Sikap prihatin kepada hak negeri ini juga menyebabkan Adenan Satem menuntut royalti minyak sebanyak 20 peratus daripada kerajaan persekutuan. Menerusi akta pembangunan petroleum pada tahun 1974, Petronas akan menguasai pengeluaran minyak dan gas diperaian Malaysia. Sarawak yang merupakan pengeluar minyak akan hanya mendapat 5 peratus. Hal inilah yang dituntut oleh Adenan Satem. Sikap beliau yang prihatin ini telah menambat hati rakyat Sarawak untuk terus memberi sokongan kepada beliau.

Kedudukan PKR, DAP dan PAS semakin tersepit apabila Adenan Satem meminta pengundi hanya mengundi parti tempatan. Ketiga-tiga parti ini dianggap sebagai parti dari Semenanjung Malaysia. Laungan bersifat semangat kenegerian ini meletakkan kedudukan tiga parti ini bukan sahaja melawan BN tetapi meletakkan mereka sebagai orang asing dimata pengundi Sarawak. Ini cabaran yang besar bagi mengubah label ini dimata rakyat Sarawak. Semangat rakyat Sarawak ini semakin berpaut pada BN pimpinan Adenan Satem apabila bila menyuarakan hak-hak negeri yang perlu dikembalikan kepada penduduk Sarawak. Beliau mahukan agar status Sarawak semasa pembentukan Malaysia dikembalikan. Saranan ini mendapat sokongan kuat daripada rakyat Sarawak. Hal ini juga cuba diperjuangkan oleh STAR dan PBDSB. Namun perjuangan dua parti ini dilihat tidak perlu kerana Adenan Satem telah memperjuangkan hak negeri sejak awal pemerintahannya. Oleh kerana itu walaupun STAR dan PBDSB merupakan parti tempatan tetapi perjuangan mereka tidak mendapat sokongan rakyat. Hal ini menyebabkan mereka gagal memperolehi undi secukupnya untuk menang. Malahan calon-calon mereka kalah teruk dan ada yang hilang deposit.

Dalam keadaan pembangkang menghadapi masalah menghadapi kerajaan BN Sarawak pimpinan Adenan Satem, Baru Bian meminta agar pengundi memberi sokongan kepada mereka untuk memilih pembangkang sebagai *check and balance* dalam kerajaan. Beliau berkata usaha mereka selama ini telah membuahkan hasil dan menghalang banyak

usaha kerajaan yang merugikan rakyat seperti usahaewartakan Ulu Trusan sebagai simpanan hutan dan cadangan untuk mendirikan Empangan Baram. Saranan dari Baru Bian ini sama dengan kempen Amanah. Mereka mahukan supaya pembangkang kuat sahaja dapat menyelamatkan Sarawak. Ini merupakan tema kempen mereka iaitu Pembangkang kuat Sarawak Selamat (Amanah 2016).

ANALISIS PILIHAN RAYA SARAWAK KE-11

Pilihan raya Sarawak ke-11 ini menunjukkan bahawa rakyat Sarawak tidak dapat menerima pembangkang sebagai alternatif kepada kerajaan BN Sarawak pimpinan Adenan Satem. Perubahan kepimpinan negeri membawa satu kejutan kepada PH dan mereka tidak bersedia dengan perubahan ini. PH juga ketandusan isu untuk ditawarkan kepada rakyat Sarawak. Tawaran diberi oleh PH masih ditakuk lama. Malahan Adenan Satem bijak dalam percaturan politiknya dengan mendekati jiwa dan raga rakyat. Beliau amat prihatin dengan rakyat. Beliau dilihat mampu menyatukan rakyat Sarawak pelbagai kaum. Manakala sikap sedemikian tidak ditunjukkan oleh pemimpin pembangkang iaitu PH. Tiada seorang pemimpin PH peringkat negeri Sarawak mampu menunjukkan kepimpinan dan gaya Adenan Satem. Kebanyakan pemimpin PH hanya dikenali peringkat DUN mereka sahaja. Malahan mereka juga gagal bersosialisasi dengan kaum-kaum di Sarawak.

Hal ini memberi kelebihan kepada BN Sarawak. Adenan Satem sebagai faktor penting dalam kejayaan BN Sarawak. Atas sebab inilah BN Sarawak mampu memenangi lebih banyak kerusi dan mengurangkan undi-undi diperolehi oleh calon PH kecuali Bakelalan. Manakala PH terutama DAP yang mencuba menjadi penggerak pembangunan dalam Impian Sarawak tidak menunjukkan hasil yang mantap kerana sumbangan Impian Sarawak ini terlalu kecil dan setempat. Oleh itu mereka gagal memenangi hati pengundi luar bandar. Malahan mereka juag kehilangan beberapa kerusi di kawasan bandar seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Hanya penyokong tegar PH memberi kemenangan kepada mereka di beberapa kerusi.

KESIMPULAN

Secara umumnya keputusan pilihan raya ke-11 Sarawak ini memberi makna jelas kepada

pembangkang tentang apa yang pengundi Sarawak kehendaki. Rentak strategi, kempen dan isu yang dibawa oleh pembangkang dapat disimpulkan mempunyai kelemahan tersendiri. Strategi untuk menjadi parti yang memberi pembangunan dengan pelbagai program pembangunan di Sarawak masih lagi tidak mencukupi. Tiada usaha yang dapat menambat hati rakyat secara total di Sarawak. Manakala tindak tanduk mereka masih lagi menggunakan rentak yang lama dan belum lagi bermaya untuk menambat hati sokongan hati rakyat. Mereka seolah-olah terperangkap dengan isu kemenangan mereka sebelum ini. Adenan Satem berjaya mengubah sebahagian besar prepepsi pengundi Sarawak untuk memberi sokongan kepada BN. Oleh itu isu-isu nasional walaupun boleh menyegat tetapi agenda Adenan Satem untuk rakyat Sarawak berjaya mengatasi masalah ini. Perjuangan pembangkang ini masih lagi terperangkap dalam era Abdul Taib Mahmud. Apabila Abdul Taib Mahmud sendiri tidak menyanggah jawatan ketua menteri maka pembangkang seolah-olah tidak mampu lagi melawan BN. Mereka sedar bahawa peralihan kuasa telah berlaku tetapi isu dan kempen mereka masih lagi sama seperti era Abdul Taib Mahmud. Kelemahan strategi pembangkang ini juga diburukkan dengan perebutan kerusi yang membawa kekeliruan kepada penyokong mereka sendiri. Bagi pengundi pula mereka melihat perebutan ini menunjukkan masalah kepada kerajaan jikalau mereka diberi peluang memerintah. Pada masa yang sama Adenan Satem telah merangka strategi baharu yang melaksanakan banyak agenda mesra rakyat. Agenda Adenan Satem ini diterima sebagai satu usaha membantu rakyat dan mengembalikan hak Sarawak. Rakyat Sarawak daripada pelbagai lapisan budaya dan latarbelakang serta agama memberi sokongan kuat kepada tindakan Adenan Satem. Dengan kata lain Adenan Satem berjaya memberi kekuatan baharu pada BN dan mengembalikan imej SUPP serta meredakan perbalahan antara SUPP dan UPP, dan SPDP dan TERAS. Hal ini menunjukkan Adenan Satem menjadi pemimpin disenangi sama ada kawan mahupun lawan. Akhir sekali artikel ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan dibawah kod FRGS/1/2017SS108/UM/02/1 – FP024-2017A.

RUJUKAN

Ali Salman et. al. 2018. Political engagement on social media as antecedent for political support among

- voters in Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 34(2): 152-165.
- Berita Harian*. 2016. Janji pembangkang mansuh GST hanya propaganda: Adenan, 4 Mei.
- Eichenauer, Eva. 2016. Language, mass media, and democracy: The debate over “Kalimah Allah” in the Malaysian print and online media. *Kajian Malaysia* 34(1): 1-33.
- Faisal S. Hazis. 2015. Patronage, power and prowess: Barisan Nasional’s equilibrium dominance in East Malaysia. *Kajian Malaysia* 33(2): 1-24.
- Ghazali Shafie. 2015. *Memoir Ghazali Shafie: Penubuhan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habids Buhigiba Mohamad Bustamam, Suffian Mansor & Mohd Samsudin. 2019. Reaksi masyarakat Limbang terhadap rancangan pembentukan Malaysia melalui siasatan Suruhanjaya Cobbold 1962. *Akademika* 89(1): 161-173.
- Harakah*. 2016. Rakyat Sarawak perlu tolak calon GST, 29 April – 1 Mei.
- Jeniri Amir. 2013. *Politik Sarawak: Perspektif Penganalisis*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Kwok Chin Hoe & Haris Abd Wahab. 2013. Manfaat daripada pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan di Daerah Song, Sarawak. *Akademika* 83(2&3): 39-46.
- Lee Kam Hing & Thock Ker Pong. 2014. Thirteenth General Elections (GE13): Chinese votes and implications on Malaysia politics. *Kajian Malaysia* 32(Supp. 2): 25-53.
- Neilson Ilan Mersat. 2013. Ethno-Nationalism and Electoral Clientelism: The Dayaks’ Experience” dalam *Politics and Local Government in Sarawak*, edited by Faisal S. Hazis & Stanley Bye Kadam-Kiai, 71-108. Kota Samarahan Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. 2014. The social media election in Malaysia: The 13th General Election in 2013. *Kajian Malaysia* 32(Supp.2): 123-147.
- Ramli Dollah & Zainus Sagi Khusyairy Pangkas. 2017. Aktor bukan negara dan keselamatan nasional di Malaysia: Tentera Diraja Sulu dan pencerobohan Lahad Datu. 2013. *Akademika* 87(3): 15-29.
- Straumann, Lukas. 2014. *Money Logging: On the trial of the Asian Timber Mafia*. Basel: Bergli Books.
- Suara Keadilan*. 2016. 7 lagi termasuk Speaker Selangor dihalang masuk, 26 April.
- Suara Keadilan*. 2016. Tawaran Keadilan Untuk Sarawak, 3 Mei.
- Suffian Mansor & Awang Azman Awang Pawi. 2019. Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Melayu di Sarawak: Antara Hak Negeri dan Kepentingan Nasional (1963-1966). *Akademika* 89(1): 125-135.

- Suffian Mansor. 2016. Pakatan politik berasaskan kaum: Kerelevanan dan kelangsungan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak (1963-2016). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 43(2): 100-123.
- The Borneo Post*. 2015. Soon Koh dismisses DAP's Impian S'wak projects as propaganda, 21 January.
- The Borneo Post*. 2015. Dr Annuar challenges DAP to provide free medical service, 31 January.
- The Borneo Post*. 2015. Selangor MB: PKR can fight federal issues, 2 March.
- The Borneo Post*. 2016. PAS steering clear of DAP candidates, 26 April.
- The Borneo Post*. 2016. Immigration has gone overboard, say Ling, 30 April.
- The Borneo Post*. 2016. Voon's proper not a bankrupt, PKR clarifies, 27 April.
- The Borneo Post*. 2016. Indian community expected to support Adenan, 28 April.
- The Star*. 2016. Pakatan left in disarray, 26 April.
- The Star*. 2016. PKR accuses DAP of giving away Bukit Kota to Barisan, 27 April.
- Utusan Malaysia*. 2016. RM1.67b bayar pampasan tanah, 30 April.
- Utusan Malaysia*. 2016. Projek 'Impian Sarawak' hanya gimik, 5 Mei.

Dr. Suffian Mansor (corresponden)
 Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategik
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Malaysia
 E-mail:smansor@ukm.edu.my

Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi
 Jabatan Sosiobudaya
 Akademi Pengajian Melayu
 Universiti Malaya
 Malaysia
 E-mail:awangazman@gmail.com
 Dr. Ahmad Kamal Mohd. Rus
 Jabatan Sejarah
 Fakulti Sastera dan Sains Sosial
 Universiti Malaya
 Malaysia
 E-mail:akamal@um.edu.my

Received: 25 November 2016

Accepted: 19 September 2019